



# PERUTUSAN RASMI TAHUN BARU 2022

YB DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH



Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh & Salam Sejahtera,

Selamat Tahun Baru 2022 kepada semua rakan penjawat awam negeri Sabah. Saya merasa amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana masih diberikan peluang untuk bersama-sama dengan keluarga meraikan tahun 2022. Saya turut berharap anda semua meraikan tahun baru ini dengan penuh rasa syukur dan gembira bersama keluarga tersayang.

Kita telah melalui pelbagai cabaran dalam menanggapi krisis kehidupan masyarakat akibat COVID-19 sejak bulan Mac 2020 sehinggalah tahun 2021. Ramai yang kehilangan punca pendapatan, kehilangan ibu bapa atau anak yang merupakan 'breadwinner' kepada keluarga. Begitu juga kepada 'frontliners' yang gugur akibat COVID-19. Saya mengucapkan takziah atas kehilangan yang dihadapi dan turut berduka-cita.

Sejak COVID-19 melanda, penjawat awam (*frontliners* atau bukan *frontliners*-pentadbiran) bertugas 24/7 memastikan bantuan kepada rakyat Sabah terkesan akibat COVID-19 terlaksana. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas pengorbanan penjawat awam.

Setakat 30 Disember 2021, sebanyak 1,837 kes COVID-19 dilaporkan melibatkan penjawat awam negeri. Bagi memastikan keyakinan orang awam apabila berurusan dengan kita dan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, 96% penjawat awam negeri telah diberikan vaksinasi dan 4% lagi belum divaksinasi akibat isu kesihatan. Saya amat bersyukur kerana ramai penjawat awam negeri telah menerima vaksin.

Pada 08 November 2021 Negeri Sabah telah beralih ke Fasa 4 Pemulihan yang membenarkan semua sektor pekerjaan bertugas seperti biasa termasuklah sektor awam mengikut kapasiti yang ditetapkan dan pematuhan kepada SOP. Sebagai peringatan bersama, Virus COVID-19 telah berada di sekeliling kita. Oleh itu, saya menasihatkan kepada semua penjawat awam supaya mana-mana program atau aktiviti hendaklah dirancang mengambil kira keadaan semasa dengan lebih efisien dan efektif agar penyampaian perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas.

Konsep 5As yang diperkenalkan semasa saya mengambil alih sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri pada 04 November 2019 telah menunjukkan peningkatan melalui Inisiatif pendigitalan dalam Perkhidmatan Awam Negeri daripada 106 aplikasi pada tahun 2020 kepada 215 aplikasi pada tahun 2021. Saya mengharapkan usaha melakukan transformasi ke arah Smart Digital Government dapat direalisasikan bersama-sama dengan rakan-rakan penjawat awam negeri.

**Selamat Tinggal 2021 dan Selamat Datang 2022.** Kekalkan momentum Kerja Berpasukan (*Team Work*), Kebertanggungjawaban (*Responsibility*), Komitmen (*Commitment*) dan Ketabahan (*Perseverance*) dalam kita mengurus perubahan yang sedang atau bakal berlaku di sekeliling kita.

Kecemerlangan akan terus menjadi keutamaan saya dan saya yakin anda juga akan melakukan perkara yang sama.

YB DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR B UNTONG, J.P.  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
01 Januari 2022

“SABAH MAJU JAYA”

